

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pkp-kami-dah-macam-keluarga-pelajar-ipt-sedih-tinggal-kawan-240525>

PKP: 'Kami dah macam keluarga' - Pelajar IPT sedih tinggal kawan

Adie Sufian Zulkefli

April 28, 2020 12:40 MYT

“Saya kasihankan rakan-rakan yang lain kerana mereka masih di universiti dan tidak dapat pulang”

Demikian luah Noraishah Abidin, 22 tahun yang merupakan pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang susulan rakan-rakannya masih terkandas di kampus dan belum mendapat status sama ada dibenarkan pulang ke kampung ataupun tidak.

Katanya, dia berat hati untuk meninggalkan rakan yang lain kerana sepanjang berada di kampus selama 40 hari, hubungannya dan rakan-rakan dari negeri lain bertambah erat ekoran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang membataskan aktiviti mereka.

Tambah Noraishah, lebih menggembirakan apabila pihak pengurusan kolej di universiti berkenaan banyak memberi sokongan moral kepada mereka, selain membekalkan makanan dan minuman yang cukup.

“Sepanjang perjalanan semalam, saya rasa takut... sedih pun ada sebab nak tinggal kawan-kawan yang masih di kolej. Mereka ada dari Kelantan dan Terengganu yang masih belum boleh balik lagi.

“Sedih nak tinggal (mereka) sebab selama 40 hari duduk dengan mereka memang saling bantu membantu antara satu sama lain dan sudah seperti keluarga,” katanya kepada *Astro AWANI*.

Mengulas lanjut, Noraishah mengakui, dia berasa takut untuk pulang ke rumah kerana bimbang sekiranya memberi risiko kepada keluarga.

Sementara itu, seorang lagi pelajar Politeknik Sultan Abdul Aziz Shah (PSA) Shah Alam, Mohd Nadim Abdullah, 20, berkata dia sangat gembira apabila dimaklumkan dapat pulang ke kampung selepas 'terkandas' di kampus lebih sebulan.

Kegembiraan tambah berganda buat Mohd Nadim kerana menjadi pelajar fasa pertama yang dibenarkan pulang ke kampung bersama kawan-kawan lain.

“Bersyukur dapat balik awal dan gembira dapat balik. Saya hubungi mak dapat beritahu (saya) kelompok pertama akan balik... rasa gembira dan sedih pun ada,” katanya.

Menurut Mohd Nadim, dia hanya berhubung dengan ibunya, Norashikin Ahmad, 48, melalui panggilan video untuk memaklumkan keadaannya.

Menurut pelajar Jurusan Kejuruteraan Awam itu, sepanjang berada di kolej, dia hanya menghabiskan waktu menggunakan telefon bimbit untuk membala WhatsApp keluarga dan rakan-rakan selain mengikuti perkembangan terkini berkaitan COVID-19.